



BERITA KUIM

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA, 55100 KUALA LUMPUR

(BARAN DALAMAN SAHAJA)

BIL. 02/03

FEBRUARI 2003

[http:// www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)

KANDUNGAN

- Majlis Pertemuan Antara Pengerusi LPU bersama MPP
- Kursus Asas Pendidikan Luar
- Peristiwa



MAJLIS PERTEMUAN ANTARA PENERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI BERSAMA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

- Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor menerima cenderahati daripada YDP Majlis Perwakilan Pelajar. - Gambar DJOHAN

5 Feb. – Bertempat di Hotel De Palma, Ampang telah diadakan Majlis Pertemuan antara Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor dan pengurusan tertinggi Universiti bersama para pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2002/2003. Majlis tersebut telah diadakan bertujuan untuk merapatkan hubungan antara para pemimpin MPP bersama pengurusan Universiti dan juga membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar KUIM. Dalam ucapan yang disampaikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor antara lain menyatakan agar setiap mahasiswa menghargai segala kemudahan yang disediakan oleh pihak Universiti. Ini adalah kerana kemudahan yang dinikmati oleh mahasiswa kini seperti pengangkutan dan sebagainya tidak dinikmati oleh generasi mahasiswa pada masa lalu. "Mahasiswa seharusnya bersyukur" gesa Y.Bhg. Tan Sri kepada para pelajar. Selain itu, pihak pengurusan Universiti juga telah berjanji untuk menangani dan cuba menyelesaikan permasalahan pelajar yang dibangkitkan sepanjang sesi soal jawab dalam majlis tersebut.

KURSUS ASAS PENDIDIKAN LUAR HAL EHWAL PELAJAR

KUIM - Unit Sukan dan Rekreasi telah menganjurkan Kursus Asas Pendidikan Luar pada setiap hari Sabtu bertempat di kawasan meletak kenderaan di tingkat 8, Menara A MPAJ. Tujuan diadakan kursus tersebut bertujuan untuk memberikan pengetahuan asas berhubung teori dan praktikal berkaitan dengan aktiviti luar. Pegawai Sukan KUIM, En. Nur Ekmal Buhary dan Penolong Pegawai Sukan, En. Sulaiman Hassan bertanggungjawab melatih dan mengajar para peserta kursus tersebut. Selain itu, beberapa orang jurulatih dari luar

juga dijemput sepanjang kursus yang berlangsung setiap hujung minggu itu. Antara aktiviti yang dijalankan adalah asas kraf perkhemahan, asas bantu mula, asas ikatan, asas orienteering dan bacaan peta disamping sesi soal jawab dan praktikal. Seramai lebih 100 orang peserta telah mendaftar bagi mengikuti program tersebut. Para peserta yang berjaya menamatkan kursus tersebut diharapkan dapat menjadi seorang yang berkebolehan dalam menghadapi pelbagai keadaan diluar jangka dalam kehidupan seharian.

PERISTIWA

- 1 Februari - Tahun Baru Cina.
- 4 Februari - Taklimat Penggredan Semula Jawatan Program.
- 6 Februari - Mesyuarat Jawatankuasa Penyediaan Kemudahan Ruang dan Perabot KUIIM.
- 8-9 Februari - Pertandingan Debat Bahasa Arab.
- Ceramah *English Career Talk*.
- 12 Februari - Hari Raya Aidiladha.
- 14 Februari - Bengkel Sasaran Kerja Tahunan, Putrajaya.
- 17 Februari - Tazkirah Syahriyyah oleh Rektor.
- 19 Februari - Mesyuarat Jawatankuasa Induk Majlis Konvokesyen KUIIM, Dewan Perdana FELDA, Jalan Semarak.
- 20 Februari - Perjumpaan staf KUIIM dengan wakil BBN Development Sdn. Bhd.
- 21-23 Februari - Bengkel Penyediaan Belanjawan KUIIM 2004/2005, A Famosa Resort, Melaka.
- 24 Februari - Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran.
- Mesyuarat Cadangan Pelaksanaan Gred Peperiksaan oleh Pensyarah.
- 25 Februari - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan ICT-IPTA ke 4 Bil. 2/2003, Hotel Equatorial, Melaka.
- Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Projek ICT Kampus Tetap Bil 2/2003

MAKLUMAN

Anda ada sebarang berita/peristiwa untuk dikongsi bersama warga KUIIM? Hantarkan kepada Unit Perhubungan Awam dengan kadar segera. Terima Kasih.